

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 October 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2023 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Sukuk and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.

Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Syariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan

Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

Inception Date / Tarikh Diterbitkan

01/12/2006

Current Fund Size / Saiz Dana Terkini

RM588,672,346.52

Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan

1.30% per annum


Current NAV / NAB Terkini

RM2.18339

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana

Takafulink Dana Urus Vs. 80% FBMSHA + 20% 12 MTH MBB Islamic Term Deposit Rate




Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-0.07%	-0.21%	1.53%	4.40%	-3.61%	7.79%	118.34%
Benchmark / Penanda Aras	-0.19%	-0.66%	1.10%	3.96%	-10.66%	-3.41%	54.48%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.12%	0.45%	0.43%	0.44%	7.05%	11.20%	63.86%

Source / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 31 October 2023

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	78.64
2 Takafulink Dana Sukuk	21.36

Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	7.67
2 IHH Healthcare Berhad	4.95
3 Press Metal Berhad	4.89
4 Petronas Chemicals Group Berhad	4.50
5 Sime Darby Plantation Berhad	3.88
6 Time Dotcom Berhad	3.88
7 Telekom Malaysia Berhad	3.79
8 Dialog Group Berhad	3.12
9 Inari Amertron Berhad	2.96
10 Petronas Gas Berhad	2.92

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Sarawak Energy Berhad	3.51
2 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	2.86
3 DanaInfra Nasional Berhad	2.49
4 YTL Power International Berhad	2.39
5 AmlIslamic Bank Berhad	2.28
6 Danum Capital Berhad	2.27
7 PONS Capital Berhad	2.20
8 Projek Lebuhraya Usaha Berhad*	2.03
9 Edra Energy Sdn Bhd	2.02
10 Projek Lebuhraya Usaha Berhad*	1.96

* Different coupon rates & maturity dates for each.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 October 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2023 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equity Market Review

Malaysian equities outperformed regional markets in the month of October, for the fourth consecutive month. October was a fairly eventful month, with the announcement of Budget 2024 which investors took to be fairly neutral. Within the Budget, subsidies are lower in 2024 at 10% of operating expenditures (versus 14% in 2023), and the announcement of additional infrastructure goodies were announced such as the restoration of LRT3 stations and extension of LRT to the mainland. Not long after this, a slew of economic data released in the US, continued to highlight the strength of the US economy, withstanding the surge in interest rates thus far. Investors speculated that this would be a risk for the US Federal Reserve to remain hawkish on their interest rate policy, providing strength to the US Dollar. The MYR traded at Asian Financial Crisis lows at RM4.79/USD on the 24 Oct 2023, lowest level in more than 25 years. The FBM Emas Shariah Index closed the month at 10,874.52, declined 0.30% mom. The FBM Small Cap Shariah index declined by 2.02% for the month and underperformed the FBM Emas Shariah Index.

Market Outlook

Global political issues continue to fester, without any resolution of the Russia-Ukraine conflict, and US-China relations remain tense. The recent Palestine-Israel conflict has thrown uncertainty into the mix. There are still some diverging views on the risk of a recession, but for now given the continued resilience of the US economic data, and the persistent stickiness of inflation, investors are now accepting that interest rates in the US will be higher for longer. Domestically, equity markets were relatively resilient in October versus our regional peers. We are seeing more messaging from the government in regard to the petrol subsidy rationalization, and snippets of information on the energy exchange to be set up. However, more details are needed, and this piecemeal information is not very conducive for investors, as patience will wear thin. There is also downside risk from policy execution of the various new measures and policies as announced by the government. Persistent inflation will likely continue to be a bug-bear for the market, tighter household disposable incomes will continue to plague demand. Nevertheless, we remain cautiously optimistic, and any correction in the market will provide us the opportunity to accumulate fundamentally sound stocks.

Fixed Income Market Review

The Malaysian Government Securities (MGS) yield curve continued to steepen during the month of October as the US Treasuries recorded a sixth straight monthly loss amid the prospect of indefinitely elevated Federal Reserve interest rates and possible growth in the supply of bonds sent yields to multiyear highs. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year benchmarks closed at 3.70% (+9bps), 3.91% (+14bps), 4.09% (+17bps), 4.10% (+12bps), 4.27% (+9bps), 4.41% (+11bps) and 4.52% (+9bps), respectively in October. Data released during the month showed that the advanced GDP estimate indicated that Malaysia's 3Q GDP expanded by 3.3% YoY against the 2.9% YoY in 2Q, according to the Department of Statistics Malaysia, which introduced its first-ever quarterly preliminary GDP data. Economic expansion was predominantly driven by the services sector with a 5.1% increase, up from 4.7% in 2Q23. The economic performance for the first nine months of 2023 shows that Malaysia's economy grew by 3.9% YoY (9M22: 9.2%). Meanwhile, World Bank lowered Malaysia's GDP projection to 3.9% from 4.3% for 2023 amid subdued external demand. But the institution anticipates a 4.3% GDP growth in 2024, supported by firm domestic demand. In its October publication, the IMF predicted Malaysia's GDP as well to rise by 4.3% for the year 2024. Separately, headline CPI eased to 1.9% YoY in September from 2.0% in August, reflecting the lowest reading since March 2021, and below market consensus estimate of 2.2%. The slower price increase for restaurants & hotels at 4.4% in Sep (Aug'23: 4.7%) and food & non-alcoholic beverages at 3.9% (Aug'23: 4.1%) helped to drive down inflation. Moderation in inflationary pressure is a positive for domestic demand, the key driver for economic growth. Core inflation remained at 2.5% in September, the same rate as recorded in August 2023. 9M2023 headline inflation was at 2.8% vs. 3.4% for the full year in 2022. Malaysia's industrial production index (IPI) inched down by 0.3% YoY in August (July'23: 0.7% YoY). The dip was attributed to the manufacturing sector, which contracted 0.6% in August vs a 0.2% reduction in July, while the electricity sector expanded by 1.9% (Jul'23: 1.5%) and the mining sector grew by 0.1% (Jul'23: 4.2%). Overall, the manufacturing export-oriented industries declined while domestic-oriented industries continued to expand. Exports in September increased by 8.2% MoM to RM124.5bn as compared to August, while imports expanded by 2.1% MoM to RM99.9bn. As a result, Malaysia continues to register a trade surplus for the 41st consecutive month since May 2020 at RM24.52bn, up by 43% from RM17.31bn a month earlier. However, on a year-on-year bases, trade surplus contracted by 23% as exports fell 13.7% YoY (Aug'23: -18.6%) on the back of lower global demand, uncertainty about commodity prices, and high last year's base effect. The country's imports declined as well by 11.1% YoY (Aug'23: 21.2%). S&P's Malaysia Manufacturing Purchasing Managers' Index (PMI) for the October reading remains in contractionary territory for the past 14 consecutive months unchanged at 46.8 (Sep'23: 46.8), signaling slower production in the manufacturing sector. Meanwhile, Malaysia's Budget 2024 was tabled on 13 October. It was the country's largest ever spending bill with RM393.8 billion, about 2% larger than that of Budget 2023. The Budget 2024 focuses on three main pillars: 1. enhancing governance and the public service delivery, 2. restructuring the economy to boost growth, and 3. uplifting the standard of life for the citizens. With a lower fiscal deficit target for 2024 at 4.3% of GDP (2023: -5.0%, 2022: -5.8%), the government maintains its gradual fiscal consolidation path set out in the updated Medium-Term Fiscal Framework (MTFF) with an average fiscal deficit of 3.5% of GDP (2024-2026). Overall, the Budget 2024 underlines the government's dedication to maintain fiscal discipline via rationalisation of expenditure and broadening the revenue base, while at the same time strengthening the national economy. The larger budget will be funded by higher tax receipts, lower and targeted subsidies, and higher borrowings. Consequently, Malaysia's debt-to-GDP ratio is expected to increase to 64% by end-2024, up from 61.9% (or RM1.15 trillion) as at 1H2023. Following the Budget announcement, we do not foresee any credit rating actions on Malaysia's sovereign rating by any of the three international rating agencies (Moody's, S&P, Fitch). The parliament passed the Public Finance and Fiscal Responsibility Act (PFFRA) on 11 October. The Act is meant to improve governance, transparency, and sustainability of the country's fiscal policy. It sets the following objectives to be met within the next 3-5 years: (1) Fiscal deficit at or below 3% of GDP, (2) Capping federal government debt at 60% of GDP, and government guarantees at 25% of GDP and (3) Annual development expenditure to be at least 3% of GDP.

Market Outlook

In November, Bank Negara Malaysia (BNM) kept the overnight policy rate (OPR) rate at 3.00% in its last monetary policy committee (MPC) meeting of the year, given the stable domestic inflation and positive economic growth outlook amid the challenging external environment. BNM highlighted that the sharp depreciation of the Malaysian ringgit against the US-Dollar should not impact Malaysia's growth prospects. We expect BNM to keep OPR unchanged at 3.00% for an extended period to strengthen economic growth and maintain the current stable inflation. Potential upside risk could come from higher inflation due to planned subsidy rationalisation plans and substantial imported inflation if the USD continues to outperform. Upcoming events to watch is the 3Q GDP release on 11 November and September CPI YoY on 24 November. Over the short-term, government bonds supply is likely to increase, especially for the longer-end as the government plans to convert short-term Treasury Bills to longer-tenor government bonds in 4Q23 to reduce refinancing risk. We expect higher government bond supply for the remainder of the year. We revised our new issuance expectation for the month of November from RM12.5 billion to RM15.5 billion and in December from RM9 billion to RM 10.5 billion. However, over the medium-term, the local bond market should benefit from the planned reduction in fiscal deficit as announced in Budget 2024, reducing government bonds supply over the next few years. Also, the newly passed Public Finance and Fiscal Responsibility Act (PFFRA) should appeal to foreign investors.

Fund Review and Strategy

The Fund returned -0.07% for the month outperforming the benchmark return of -0.19% by 0.12%. Year-to-date, the fund returned -0.02%, outperforming

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 October 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2023 melainkan jika dinyatakan

the benchmark return of -0.20% by 0.18%. The outperformance in October was mainly due to the outperformance in the equity portion against its benchmark. As of end-October 2023, the Fund has 78.64% exposure in equities and 21.36% in sukuk.

Ekuiti Tinjauan Bulanan

Ekuiti Malaysia mengatasi prestasi pasaran serantau pada Oktober, bulan yang keempat secara berturutan. Oktober agak sarat dengan peristiwa dengan pengumuman Belanjawan 2024 yang dianggap agak neutral oleh pelabur. Dalam Belanjawan, subsidi lebih rendah pada 2024 iaitu 10% daripada perbelanjaan operasi (berbanding 14% pada 2023), di samping pengumuman barangan infrastruktur tambahan telah diumumkan seperti pemulihan stesen LRT3 dan sambungan LRT ke tanah besar. Tidak lama selepas ini, banyak data ekonomi yang dikeluarkan di US terus menyertahkan kekuatan ekonomi US yang dapat bertahan dengan lonjakan kadar faedah setakat ini. Pelabur membuat spekulasi bahawa ianya akan menjadi risiko buat Rizab Persekutuan US untuk kekal agresif terhadap dasar kadar faedahnya lalu memberi kekuatan kepada Dolar US. MYR didagangkan pada paras terendah Krisis Kewangan Asia iaitu RM4.79/USD pada 24 Oktober 2023, tahap terendah melebihi 25 tahun. Indeks FBM Emas Syariah menutup bulan pada 10,874.52, susut 0.30% bulan ke bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap Syariah merosot 2.02% pada bulan ini dan tidak mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Syariah.

Gambaran Bulanan

Isu politik global terus meruncing, tanpa sebarang penyelesaian konflik Rusia-Ukraine, dan hubungan US-China kekal tegang. Konflik Palestin-Israel baru-baru ini semakin menambah ketakpastian global. Masih terdapat sebahagian pandangan yang berbeza tentang risiko kemelesetan, tetapi buat masa ini memandang data ekonomi US yang masih lagi mampan, di samping kelekitan inflasi yang berterusan, pelabur kini menerima bahawa kadar faedah di US akan lebih tinggi untuk tempoh lebih lama. Di dalam negeri, pasaran ekuiti mampan secara relatif pada Oktober berbanding pasaran serantau. Kami dapati lebih banyak pesanan daripada kerajaan berkenaan rasionalisasi subsidi petrol, dan coretan maklumat mengenai pertukaran tenaga yang akan ditubuhkan. Walau bagaimanapun, butiran lanjut masih diperlukan, dan maklumat yang disalurkan sedikit demi sedikit ini tidak begitu kondusif buat pelabur, kerana kesabaran akan menipis. Terdapat juga risiko ke bawah berikutan pelaksanaan dasar pelbagai langkah dan dasar baharu seperti yang diumumkan kerajaan. Inflasi yang berterusan berkemungkinan akan terus menjadi kebimbangan pasaran, manakala pendapatan boleh guna isi rumah yang lebih kecil akan terus membelenggu permintaan. Namun begitu, kami kekal optimistik secara berhati-hati, dan sebarang pembetulan dalam pasaran akan memberi kami peluang untuk mengumpul saham berasas kukuh.

Pendapatan Tetap Tinjauan Bulanan

Kelak hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) terus meningkat pada Oktober apabila Perbendaharaan US mencatatkan kerugian bulanan keenam berturut-turut di tengah-tengah prospek kadar faedah Rizab Persekutuan yang terus meningkat tanpa penangguhan dan kemungkinan penawaran bon akan bertambah mendorong hasil ke paras tertinggi berbilang tahun. Penanda aras 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun masing-masing ditutup pada 3.70% (+9bps), 3.91% (+14bps), 4.09% (+17bps), 4.10% (+ 12bps), 4.27% (+9bps), 4.41% (+11bps) dan 4.52% (+9bps), pada Oktober. Data yang dikeluarkan pada bulan ini menunjukkan bahawa anggaran awal KDNK menunjukkan bahawa KDNK 3Q Malaysia berkembang 3.3% YoY berbanding 2.9% YoY pada 2Q menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, yang memperkenalkan data KDNK awal suku tahunan buat kali pertama. Pengembangan ekonomi sebahagian besarnya didorong oleh sektor perkhidmatan dengan peningkatan 5.1%, meningkat daripada 4.7% pada 2Q23. Prestasi ekonomi sembulan bulan pertama 2023 menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang 3.9% YoY (9M22: 9.2%). Sementara itu, Bank Dunia menurunkan unjuran KDNK Malaysia kepada 3.9% daripada 4.3% bagi 2023 berikutan keadaan permintaan luar yang lemah. Namun begitu, institusi tersebut menjangkakan pertumbuhan KDNK 4.3% pada 2024, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh. Dalam penerbitan Oktobernya, IMF meramalkan KDNK Malaysia juga meningkat akan 4.3% bagi tahun 2024. Secara berasingan, CPI keseluruhan susut kepada 1.9% YoY pada September daripada 2.0% pada Ogos, mencerminkan bacaan terendah sejak Mac 2021, dan di bawah anggaran konsensus pasaran 2.2%. Kenaikan harga restoran & hotel yang lebih perlahan iaitu 4.4% pada September (Ogos '23: 4.7%) dan makanan & minuman bukan beralkohol pada 3.9% (Ogos '23: 4.1%) membantu menurunkan inflasi. Tekanan inflasi yang sederhana positif buat permintaan dalam negeri, sekaligus bertindak sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Inflasi teras kekal 2.5% pada September, kadar yang sama seperti catatan Ogos 2023. Inflasi utama 9M2023 berada pada 2.8% berbanding 3.4% bagi setahun penuh 2022. Indeks pengeluaran perindustrian Malaysia (IPI) turun 0.3% YoY pada Ogos (Julai '23: 0.7% YoY). Kemerosotan disebabkan oleh sektor pembuatan yang menguncup 0.6% pada Ogos berbanding penguncupan 0.2% pada Julai, manakala sektor elektrik berkembang 1.9% (Jul '23: 1.5%) dan sektor perlombongan mengembang 0.1% (Jul '23: 4.2%). Secara keseluruhan, industri berorientasikan eksport pembuatan merosot manakala industri berorientasikan dalam negeri terus mengembang. Eksport September meningkat 8.2% MoM kepada RM124.5 bilion berbanding Ogos, manakala import berkembang 2.1% MoM kepada RM99.9 bilion. Hasilnya, Malaysia terus mencatatkan lebihan dagangan bulan ke-41 berturut-turut sejak Mei 2020 pada RM24.52 bilion, meningkat 43% daripada RM17.31 bilion sebulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, pada asas tahun ke tahun, lebihan dagangan menguncup 23% apabila eksport jatuh 13.7% YoY (Ogos'23: -18.6%) berikutan permintaan global yang lebih rendah, ketaktentuan tentang harga komoditi, dan kesan asas tahun lepas yang tinggi. Import negara juga merosot 11.1% YoY (Ogos '23: 21.2%). Bacaan Oktober Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Pembuatan Malaysia S&P masih dalam wilayah menguncup selama 14 bulan berturut-turut, kekal pada 46.8 (Sep'23: 46.8), menandakan pengeluaran sektor pembuatan yang lebih perlahan. Sementara itu, Belanjawan 2024 Malaysia dibentangkan pada 13 Oktober. Ia merupakan bil perbelanjaan terbesar negara dengan RM393.8 bilion, kira-kira 2% lebih besar daripada Belanjawan 2023. Belanjawan 2024 memberi tumpuan kepada tiga tonggak utama: 1. meningkatkan tatakelola demi ketangkasan perkhidmatan awam, 2. penstrukturan semula ekonomi bagi melonjakkan pertumbuhan, dan 3. meningkatkan darjat hidup rakyat. Dengan sasaran defisit bagi tahun 2024 yang lebih rendah iaitu 4.3% daripada KDNK (2023: -5.0%, 2022: -5.8%), kerajaan mengekalkan laluan penyatuan fiskal secara beransur-ansur seperti ketetapan dalam Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) yang dikemas kini dengan purata defisit fiskal 3.5% daripada KDNK (2024-2026). Secara keseluruhannya, Belanjawan 2024 menggariskan dedikasi kerajaan untuk mengekalkan disiplin fiskal melalui rasionalisasi perbelanjaan dan meluaskan asas hasil, dan pada masa yang sama mengukuhkan ekonomi negara. Bajet yang lebih besar akan dibiayai oleh penerimaan cukai yang lebih tinggi, subsidi yang lebih rendah dan disasarkan, dan pinjaman yang lebih tinggi. Oleh itu, nisbah hutang kepada KDNK Malaysia dijangka meningkat kepada 64% menjelang akhir 2024, meningkat daripada 61.9% (atau RM1.15 trilion) pada 1H2023. Selepas pengumuman Belanjawan, kami tidak mengagak apa-apa tindakan penarafan kredit ke atas penarafan kerajaan Malaysia oleh mana-mana tiga agensi penarafan antarabangsa (Moody's, S&P, Fitch). Parlimen meluluskan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (PFFRA) pada 11 Oktober. Akta ini bertujuan untuk menambah baik tatakelola, ketelusan dan kemampuan dasar fiskal negara. Ia menetapkan objektif berikut untuk dicapai dalam tempoh 3-5 tahun akan datang: (1) Defisit fiskal pada atau di bawah 3% daripada KDNK, (2) Mengehadkan hutang kerajaan persekutuan pada 60% daripada KDNK, dan jaminan kerajaan pada 25% daripada KDNK dan (3) Perbelanjaan pembangunan tahunan sekurang-kurangnya 3% daripada KDNK.

Gambaran Bulanan

Pada November, Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan kadar dasar semalaman (OPR) pada 3.00% semasa mesyuarat jawatankuasa dasar monetari (MPC) terakhirnya pada tahun ini, mengambil kira inflasi domestik yang stabil dan prospek pertumbuhan ekonomi yang positif di tengah-tengah persekitaran luaran yang mencabar. BNM menyorot bahawa penyusutan mendadak ringgit Malaysia berbanding Dolar US tidak seharusnya memberi kesan kepada prospek pertumbuhan Malaysia. Kami menjangkakan BNM akan mengekalkan OPR 3.00% dalam tempoh lanjutan untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi dan mengekalkan inflasi semasa yang stabil. Potensi risiko peningkatan berpunca daripada inflasi yang lebih tinggi disebabkan oleh rancangan rasionalisasi subsidi yang dirancang dan inflasi import yang besar jika USD terus berprestasi mantap. Peristiwa akan datang yang menarik perhatian ialah keluaran KDNK 3Q pada 11 November dan CPI YoY September pada 24 November. Dalam jangka pendek, penawaran bon kerajaan

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 October 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2023 melainkan jika dinyatakan

berkemungkinan meningkat, terutamanya tempoh yang lebih panjang kerana kerajaan merancang untuk menukar Bil Perbendaharaan jangka pendek kepada bon kerajaan bertempoh lebih panjang menjelang 4Q23 untuk mengurangkan risiko pembiayaan semula. Kami menjangka pertambahan penawaran bon kerajaan untuk baki tahun ini. Kami menyemak jangkaan terbitan baharu November daripada RM12.5 bilion kepada RM15.5 bilion diikuti Disember daripada RM9 bilion kepada RM 10.5 bilion. Bagaimanapun, dalam jangka sederhana, pasaran bon tempatan sepatutnya mendapat manfaat daripada pengurangan defisit fiskal yang dirancang sepertimana pengumuman Belanjawan 2024, mengurangkan penawaran bon kerajaan dalam beberapa tahun mendatang. Pada masa yang sama, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (PFFRA) yang baru diluluskan harus menarik minat pelabur asing.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana menghasilkan pulangan -0.07% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras -0.19% dengan perbezaan 0.12%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana memberikan pulangan -0.02%, mengatasi pulangan penanda aras -0.20% dengan perbezaan 0.18%. Prestasi baik pada Oktober disumbangkan terutamanya oleh prestasi lebih baik bahagian ekuiti berbanding penanda arasnya. Sehingga akhir Oktober 2023, Dana mempunyai 78.64% pendedahan dalam ekuiti dan 21.36% dalam sukuk.

Source / Sumber: Fund Commentary, October 2023, Eastspring AI-Wara' Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL